

**LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN  
NEGERI TERENGGANU**

**JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa bagi yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut :

Nama Jawatan : Pengurus Projek Gred N41  
Taraf Jawatan : Kontrak  
Klasifikasi : Pengurusan dan Profesional  
Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pengurusan

**1. BIDANG TUGAS**

Bertanggungjawab menyelaras dan memantau pelaksanaan projek pembangunan serta operasi yang melibatkan elemen perancangan bandar atau seni bina, menyediakan ulasan teknikal, menyemak pelan dan memastikan setiap perancangan mematuhi garis panduan pihak berkuasa tempatan serta badan profesional berkaitan, menguruskan aspek pentadbiran projek termasuk penyediaan kertas kerja, laporan kemajuan, dan perhubungan dengan perunding, pemaju atau kontraktor, menjalankan lawatan tapak dan penilaian teknikal bagi tujuan pembangunan tanah atau aset di bawah seliaan LTAWNT.

**2. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- i. Warganegara Malaysia (keutamaan kepada Rakyat Negeri Terengganu);
- ii. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Mempunyai kelayakan sebagaimana berikut :

**a. Kelayakan Akademik :**

Memiliki **Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

**Ijazah Sarjana Muda Seni Bina/Ijazah Sarjana dalam bidang Seni Bina dengan pengiktirafan Bahagian II oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan **berdaftar sebagai Arkitek Graduan dengan Lembaga Arkitek Malaysia**; atau

**Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.**

**Pengalaman Kerja:**

Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **tiga (3) hingga lima (5) tahun** secara khusus dalam bidang **Perancangan Bandar dan Wilayah, Seni Bina dan Kejuruteraan Awam.**

**b. Keahlian Profesional:**

Mestilah mempunyai **keahlian berdaftar** dengan badan profesional yang berkaitan (seperti **Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)/ Lembaga Perancang**

**Bandar Malaysia (LPBM)/ Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)** atau yang setaraf).

**c. Kompetensi:**

Berkebolehan dalam merancang, menyediakan, menyelia dan menyelaraskan kajian rancangan pembangunan dan pelan-pelan pembangunan serta membuat laporan teknikal dan memberi nasihat perancangan termasuk pelan tata-aturn.

Berkebolehan dalam merancang, mereka bentuk bangunan baru, menerima dan mengkaji ringkasan projek (*project's brief*), melawat tapak projek, menyediakan lukisan, lakaran reka bentuk (*sketch drawings*) reka bentuk terperinci, lukisan kerja (*working drawings*) dan penentuan (*specifications*).

Berkebolehan dalam pengurusan projek dan mempunyai kefahaman tinggi mengenai peraturan/akta perancangan dan pembangunan semasa yang berkuatkuasa.

Mampu bekerja di bawah seliaan Pengurus Kanan dengan pengawasan yang minimum.

Fasih berbahasa Melayu dan Inggeris.

**3. PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi boleh ditetapkan oleh LTAWNT berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**4. TEMPOH KONTRAK**

Tempoh tawaran kontrak 1 tahun **ATAU** tempoh masa yang difikirkan perlu.

**5. CARA MEMOHON**

- i. Syarat – syarat lantikan boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).
- ii. Pemohon hendaklah memohon secara atas talian di laman web <https://ltawnt.gov.my> atau mengimbas kod QR di bawah.
- iii. Pemohon yang disenari pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Pemohon dianggap gagal sekiranya tidak mendapat sebarang jawapan / maklum balas dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup.

Tarikh Tutup : **30 Julai 2026**

